

# 8

## *Pelaksanaan dan Pemantauan* **PELAN INDUK**





## 8.1 PENGENALAN

Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 disediakan selaras dengan matlamat negara untuk mengekalkan, memelihara dan memulihara serta menghubungkan kawasan-kawasan hutan bagi membentuk suatu rangkaian fizikal hutan yang bersambungan di seluruh Semenanjung Malaysia. Penyediaan pelan induk ini adalah penting bagi mengekalkan kepelbagaian biodiversiti hutan serta memastikan isu terpisahnya hubungan hutan dalam kawasan CFS dapat ditangani dengan berkesan. Strategi, tindakan serta inisiatif pelaksanaan yang dicadangkan telah mengambil kira kelemahan serta cabaran dalam aspek pengurusan dan pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi - CFS 2010 seperti perancangan guna tanah, peruntukan kewangan dan kapasiti pengurusan yang terhad serta keperluan memperkuuh perundangan dan juga penguatkuasaan bagi menangani isu pemburuan hidupan, konflik manusia-hidupan liar, pembalakan haram yang menjadi ancaman kepada pemeliharaan hutan dan perlindungan biodiversiti dalam kawasan CFS secara am dan rangkaian ekologi khususnya.

Bagi memastikan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022 ini berdaya laksana, tiga aspek diberi penekanan iaitu; (i) pengurusan sumber manusia; (ii) mekanisme pelaksanaan dan pemantauan serta (iii) pengurusan kewangan. Ketiga-tiga aspek ini saling berhubung kait dan merupakan faktor utama pembentukan urus tadbir dan pelaksaan pelan induk yang efektif, bagi mencapai visi pelan ini iaitu “Menyambung Kembali Hutan”.

Visi Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022

**“MENYAMBUNG KEMBALI HUTAN”**

5 Objektif, 14 Strategi, 38 Tindakan

### Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Induk yang Efektif

#### PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



Persepuduan pelbagai pihak, pengkhususan dan pengagihan kuasa, pembangunan kapasiti, peningkatan motivasi dan kesedaran.

#### MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN



Rangka kerja yang lebih holistik, inovatif dan fleksibel bagi memudah cara pelaksanaan pelan induk dan pengintegrasian institusi.

#### PENGURUSAN KEWANGAN



Ekonomi hutan yang mampan, sumber pembiayaan yang pelbagai serta pemberian insentif dan pampasan sebagai galakan menjamin sumber kewangan yang berterusan.

### Pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS yang Berdaya Laksana

## 8.2 KERANGKA PENGURUSAN CFS

Pengurusan sumber manusia yang efektif merupakan antara faktor penentu kebolehlaksanaan Pelan Induk ini yang melibatkan pelbagai agensi dari peringkat persekutuan, negeri dan tempatan, pihak swasta dan masyarakat awam seperti badan bukan kerajaan (*Non-Government Organization - NGO*) atau badan masyarakat civil *Civil Society Organization (CSO)* dan komuniti tempatan.



### Pihak Berkepentingan dalam Pengurusan CFS

Setiap agensi mempunyai peranan dan visi tersendiri serta tertakluk kepada punca kuasa perundangan untuk mereka menjalankan tanggungjawab dalam kawasan pentadbiran yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, perbezaan yang ada tidak seharusnya menjadi halangan, malahan seharusnya menjadi kekuatan apabila setiap agensi yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang khusus bekerjasama bagi memastikan visi pelan induk ini iaitu "Menyambung Kembali Hutan" dapat dicapai. Dalam aspek ini, tindakan setiap agensi seharusnya adalah menyokong ke arah pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan biodiversiti hutan dalam kawasan CFS yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di Semenanjung Malaysia. Pihak swasta dan masyarakat awam juga turut menyumbang kepada faktor kejayaan pelaksanaan pelan induk ini serta usaha untuk mengekalkan biodiversiti hutan melalui sumbangan kewangan, tenaga kerja, kemahiran dan juga pengetahuan. Pelan induk ini telah merangka strategi dan tindakan bagi memastikan keterangkuman semua pihak berkepentingan dalam kerangka pengurusan CFS yang sistematis dan efisien.

## PUNCA KUASA PERUNDANGAN

Peruntukan perundangan merupakan asas dalam menentukan skop bidang kuasa setiap agensi kerajaan bagi memastikan kelancaran proses dan prosedur kerja ada serta membolehkan sebarang tindakan penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan punca kuasa yang sah dari segi perundangan (**Jadual 8.1**).

**Jadual 8.1 : Punca Kuasa Perundangan Agensi yang Terlibat**

Bil.	Agenzi Kerajaan	Punca Kuasa Perundangan
1.	Jabatan Perhutanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]</li> </ul>
2.	Jabatan PERHILITAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]</li> </ul>
3.	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanun Tanah Negara 1965</li> <li>• Akta Pengambilan Tanah 1960 [486]</li> </ul>
4.	Pejabat Tanah dan Galian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanun Tanah Negara 1965</li> <li>• Akta Pengambilan Tanah 1960 [486]</li> </ul>
5.	PLANMalaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]</li> </ul>
6.	Jabatan Alam Sekitar (JAS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]</li> </ul>
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Kerja-Kerja Saliran 1954 (1988)</li> </ul>
8.	Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525]</li> <li>• Akta Penyiasatan Kajibumi 1974 [Akta 129]</li> </ul>
9.	Jabatan Kerja Raya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]</li> </ul>
10.	Jabatan Perikanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Perikanan 1985 [Akta 317]</li> <li>• Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686]</li> </ul>
11.	Jabatan Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Racun Makhluk Perosak 1974</li> <li>• Akta Kuarantin Tumbuhan 1976</li> </ul>
12.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)</li> </ul>
13.	Pejabat Daerah dan Tanah / Pejabat Tanah Daerah / Pejabat Tanah dan Jajahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanun Tanah Negara 1965</li> <li>• Akta Pengambilan Tanah 1960 [486]</li> </ul>
14.	Pihak Berkuasa Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]</li> <li>• Undang-Undang Kecil Kerja Tanah</li> </ul>

## KAWASAN PENTADBIRAN

Penglibatan agensi-agensi pelaksana di peringkat persekutuan dalam mentadbir kawasan hutan di Malaysia adalah terhad sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang; kedua-dua aspek yang penting iaitu tanah dan hutan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri mengikut Senarai 2 Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan. Manakala, bidang kuasa agensi-agensi pelaksana di peringkat negeri adalah tertakluk dalam kawasan sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang.

### Cabaran

Antara cabaran kepada pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (2010) terdahulu serta usaha untuk menyambungkan hutan yang terputus adalah dari aspek kawalan pembangunan kerana 42% kawasan adalah pemilikan persendirian dan kerajaan negeri. Ini menyebabkan peningkatan keluasan pertanian yang ketara, hubungan hutan terputus dan peningkatan aktiviti guna tanah lain (Sumber : Laporan Penemuan I dan II, 2020).

### Perluasan Kawasan Pentadbiran

Terdapat keperluan untuk meningkatkan keluasan kawasan pentadbiran agensi pelaksana serta pengambilan tanah terutama tanah-tanah milik persendirian yang berisiko mengancam rangkaian ekologi CFS bagi memperkuuh kawalan pembangunan dan penguatkuasaan dalam kawasan rangkaian ekologi CFS. Pelan induk ini telah merangka strategi dan tindakan bagi meningkatkan keluasan HSK, RHL serta rizab sungai.

**Jadual 8.2 : Pengagihan Kawasan Pentadbiran Agensi Pelaksana Utama Mengikut Punca Kuasa Perundangan**

Kawasan	Bidang Kuasa
<b>Hutan Tanah Kerajaan (HTK)</b>	Pihak Berkuasa Negeri (PBN)
<b>Hutan Simpanan Kekal (HSK)</b>	Jabatan Perhutanan Negeri (JPN)
<b>Rizab Hidupan Liar (RHL) dan Kawasan Perlindungan Hidupan Liar (KPHL)</b>	Jabatan PERHILITAN Negeri
<b>Rizab Sungai</b>	PTG / PDT / PTD / PTJ
<b>Tanah milik persendirian / tepu bina</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PLANMalaysia@Negeri</li> <li>• PTG</li> <li>• PBT</li> </ul>

## Peranan Agensi Kerajaan

Jadual 8.3 : Peranan Agensi Kerajaan yang Terlibat dalam Kerangka Pengurusan CFS

Agensi Kerajaan	Peranan					
	Perancangan	Kawalan Pembangunan	Pelaksanaan Pelan Induk	Pemantauan Pelan Induk	Penguatkuasaan	Pendidikan & Penyelidikan
<b>Peringkat Persekutuan</b>						
Kementerian KeTSA, MOTAC, KPKT, KKR, MOT, KASA, MPIC, MAFI, KPLB	√		√	√		√
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)	√		√	√		
Jabatan Perhutanan	√		√	√		√
Jabatan PERHILITAN	√		√	√		√
PLANMalaysia	√		√	√		
Jabatan Alam Sekitar	√			√		√
Jabatan Kerja Raya	√			√		
Jabatan Perikanan	√			√		√
Jabatan Pertanian	√			√		√
Jabatan Pengairan dan Saliran	√			√		√
Jabatan Mineral dan Geosains	√			√		√
Jabatan Kemajuan Orang Asli	√		√	√		√
Tourism Malaysia	√		√			
Jabatan Warisan Negara	√		√			√
Lembaga Getah Malaysia	√		√			√
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)	√		√			√
<b>Peringkat Negeri</b>						
Bahagian / Unit Perancang Ekonomi Negeri (B/UPEN)	√		√	√		√
Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri	√	√	√		√	

sambungan

**Jadual 8.3 : Peranan Agensi Kerajaan Yang Terlibat Dalam Kerangka Pengurusan CFS**

Agenzi Kerajaan	Peranan					
	Perancangan	Kawalan Pembangunan	Pelaksanaan Pelan Induk	Pemantauan Pelan Induk	Penguatkuasaan	Pendidikan & Penyelidikan
Jabatan Perhutanan Negeri	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Jabatan PERHILITAN Negeri	✓	✓	✓	✓	✓	✓
PLANMalaysia@ Negeri	✓	✓	✓	✓		
Jabatan Alam Sekitar Negeri	✓	✓	✓		✓	✓
Jabatan Kerja Raya Negeri	✓		✓			✓
Jabatan Perikanan Negeri	✓		✓			✓
Jabatan Pertanian Negeri	✓		✓			✓
Pejabat MOTAC Negeri	✓		✓	✓		
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	✓	✓	✓		✓	✓
Jabatan Mineral dan Geosains Negeri	✓		✓		✓	✓
Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri	✓		✓		✓	
<b>Peringkat Daerah dan Tempatan</b>						
PDT / PTD / PTJ	✓	✓	✓		✓	
PBT	✓	✓	✓		✓	

Nota:	KASA KeTSA KKR KPKT KPLB MAFI MOT	- Kementerian Alam Sekitar dan Air - Kementerian Tenaga dan Sumber Asli - Kementerian Kerja Raya - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan - Kementerian Pembangunan Luar Bandar - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Ministry of Agriculture and Food Industries) - Kementerian Pengangkutan Malaysia (Ministry of Transport Malaysia)	MOTAC MPIC PBT PDT/PTD /PTJ	- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia) - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (Ministry of Plantation Industries and Commodities) - Pihak Berkuastra Tempatan - Pejabat Daerah dan Tanah / Pejabat Tanah Daerah / Pejabat Tanah dan Jajahan
-------	---	--	--------------------------------------	---

## PENYELARASAN PERANAN ANTARA AGENSI KERAJAAN DAN PELBAGAI PIHK BERKEPENTINGAN DALAM KERANGKA PENGURUSAN CFS.

### Penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Bagi menyelaraskan pengurusan dari aspek penggunaan tanah, perancangan dan kawalan pembangunan serta aspek perhutanan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, **dua platform penyelarasan** telah ditubuhkan iaitu Majlis Tanah Negara dan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN). Pelan induk ini perlu dibentangkan di kedua-dua platform ini bagi meningkatkan tahap penerimaan serta komitmen negeri dalam memelihara, memulihara serta melindungi rangkaian ekologi CFS. Selain itu, dua jawatankuasa khas CFS juga telah ditubuhkan di peringkat negara; iaitu (i) Jawatankuasa Pemandu Nasional Pelaksanaan CFS; dan (ii) Jawatankuasa Teknikal Nasional Pelaksanaan CFS sebagai platform penyelarasan antara agensi-agensi di peringkat persekutuan dan lapan negeri yang terlibat.

#### Jawatankuasa Pemandu Nasional Pelaksanaan CFS

- Merancang dan menentukan hala tuju pelaksanaan CFS di Semenanjung Malaysia berpandukan Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS).
- Mewujudkan jaringan kerjasama di antara pelbagai kementerian serta jabatan dan agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri serta NGO dalam melaksanakan program.
- Mewujudkan platform untuk membincangkan isu-isu berhubung pelaksanaan CFS dan sekiranya perlu isu-isu ini boleh diangkat ke Majlis Tanah Negara (MTN), Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) atau Mesyuarat Jemaah Menteri (JJM) untuk pertimbangan.
- Memantau pelaksanaan program bagi menentukan keberkesanannya di lapangan seperti mana yang dirancang.

#### Jawatankuasa Teknikal Nasional Pelaksanaan CFS


- Platform untuk membincangkan isu dan permasalahan pelaksanaan CFS serta pengurusan koridor ekologi di lapangan.
- Menyelaras dan memantau program pelaksanaan CFS di peringkat negeri.
- Menyelaras dan memantau perbelanjaan peruntukan yang terlibat dalam pelaksanaan CFS di negeri.
- Menyelaras permohonan peruntukan kewangan persekutuan untuk perlaksanaan CFS di negeri.
- Mengenalpasti koridor ekologi mengikut keutamaan.
- Memberi khidmat nasihat teknikal dengan menggabung garis panduan/ peraturan bagi menjamin keberkesanannya pelaksanaan CFS di negeri.
- Menyelaras keperluan pembentukan unit khas CFS di peringkat negeri.

Sumber : (i) *Terma Rujukan Jawatankuasa Pemandu Nasional Pelaksanaan Central Forest Spine*  
(ii) *Terma Rujukan Jawatankuasa Teknikal Nasional Pelaksanaan Central Forest Spine*

### Penyelarasan antara Pelaksanaan Pelan Induk CFS dan Sistem Perancangan Bandar

Selaras dengan usaha untuk menyepadukan usaha pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan hutan, platform penyelarasan perancangan bandar dan wilayah perlu digunakan bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan pelan induk ini pada semua tahap perancangan dan pembangunan, termasuklah penyediaan dasar yang konsisten di peringkat nasional, negeri dan tempatan. Agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan tanah, perancangan bandar dan kawalan pembangunan perlu menggunakan platform penyelarasan sedia ada di peringkat wilayah, negeri dan tempatan iaitu (i) Jawatankuasa Perancang Wilayah; (ii) Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN); dan Jawatankuasa One Stop Centre (OSC) bagi memastikan aktiviti pembangunan adalah tidak bercanggah dengan usaha pemuliharaan hutan dan perlindungan hidupan liar yang telah dirangka dalam pelan induk ini.

### Rajah 8.1 : Kerangka Pengurusan CFS



\*Nota : Pelaporan status pelaksanaan pelan induk ini boleh dibuat secara berkala melalui platform **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)**.

**Jadual 8.4 : Peranan dan Punca Kuasa Perundangan Setiap Platform Penyelarasan**

<b>Platfrom Penyelarasan</b>	<b>Peranan</b>	<b>Punca Kuasa Perundangan</b>
<b>Majlis Tanah Negara (MTN)</b>	Membincangkan perkara-perkara berkaitan penggunaan tanah atau pentadbiran undang-undang tanah di Malaysia.	Perlembagaan Persekutuan [Perkara 91]
<b>Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)</b>	Menyelaras semua dasar dan aktiviti berkaitan perancangan bandar dan desa bagi memastikan penggunaan sumber dan pembangunan yang lebih seimbang dan mampan di peringkat negeri dan negara.	Akta 172 [Seksyen 2A]
<b>Majlis Perhutanan Negara (MPN)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Platfrom bagi membincangkan masalah dan isu bersama yang berkaitan dasar, pentadbiran dan pengurusan hutan.</li> <li>ii. Menyelaraskan hal-hal pentadbiran, pengurusan dan pembangunan hutan</li> <li>iii. Semua keputusan MPN perlulah disahkan oleh MTN.</li> </ul>	Ditubuhkan oleh Majlis Tanah Negara (MTN). Penubuhan MPN tidak berdasarkan kepada mana-mana peruntukan dalam perlembagaan.
<b>Jawatankuasa Pemandu Nasional Pelaksanaan CFS</b>	Menyelaras pelaksanaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS (PIRECFS 2022) dengan kerjasama agensi-agensi di peringkat persekutuan dan negeri di Semenanjung Malaysia.	-
<b>Jawatankuasa Teknikal Nasional Pelaksanaan CFS</b>	Menyelaras perkara - perkara teknikal berkaitan pelaksanaan PIRECFS 2022 dengan kerjasama agensi-agensi di peringkat persekutuan dan negeri di Semenanjung Malaysia.	-
<b>Jawatankuasa Perancang Wilayah</b>	Menasihati dan membantu Jawatankuasa Perancang Negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan dalam sesbuah wilayah (terdiri daripada sesuatu kawasan yang terletak di dalam dua Negeri atau lebih) mengenai rancangan pemajuan yang sesuai bagi wilayah itu, mengikut dasar negara.	Akta 172 [Seksyen 6A]
<b>Jawatankuasa Perancang Negeri</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menggalakkan dalam Negeri, melalui rangka dasar negara serta menasihati Kerajaan Negeri mengenai pemuliharaan, penggunaan dan pemajuan semua tanah di dalam Negeri.</li> <li>ii. Mengawal selia, mengawal, merancang dan menyelaraskan semua aktiviti pemajuan di dalam Negeri.</li> </ul>	Akta 172 [Seksyen 4]
<b>Jawatankuasa Kerja Teknikal Negeri Pelaksanaan CFS (JKTNP-CFS)</b>	Menyelaras perkara-perkara teknikal berkaitan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS melibatkan agensi-agensi dan jabatan di peringkat negeri.	-
<b>Jawatankuasa Unit Pusat Setempat (OSC)</b>	Menimbang dan membuat keputusan terhadap semua permohonan kebenaran merancang, pelan kejuruteraan, pelan bangunan dan pelan-pelan lain serta membuat perakuan ke atas permohonan pembangunan tanah.	Akta 171 [ Seksyen 28 ]

## 8.3 RANGKA KERJA CFS

Pelan induk ini menyediakan rangka kerja yang lebih holistik iaitu merangkumi aspek pengurusan hutan, pembangunan tanah dan kawalan pembangunan serta pengintegrasian institusi bagi memudah cara pelaksanaan pelan induk dan memperkuuh penguatkuasaan dalam kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi. **Rajah 8.2** menunjukkan rangka kerja CFS ini secara menyeluruh yang terdiri daripada 5 komponen iaitu; (i) Perundangan; (ii) Perancangan; (iii) Pelaksanaan dan Pemantauan Pelan Induk; (iv) Kawalan Pembangunan, dan Penguatkuasaan; dan (iv) Perkongsian Maklumat dan Pengetahuan.

### 1 PERUNDANGAN

*Perundangan memainkan peranan utama dalam usaha memelihara hutan di Malaysia secara menyeluruh. Pengukuhan aspek perundangan melibatkan pindaan terhadap undang-undang Persekutuan semasa termasuk undang-undang tanah, hutan dan perancangan.*

### 2 PERANCANGAN

*Strategi, tindakan dan inisiatif dalam pelan induk ini perlu diperincikan dalam pelan tindakan dan pelan pengurusan di peringkat negeri serta diterjemahkan dalam rancangan pemajuan (RSN, RT dan RKK) iaitu dokumen statutori sebagaimana peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dapat memperkuuh pelan induk ini yang tidak mempunyai peruntukan khusus dalam perundangan.*

### 3 PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PELAN INDUK

*Pelaksanaan pelan induk mengikut fasa dan keutamaan yang ditetapkan, sumber pembiayaan yang pelbagai, penyelarasian agensi kerajaan dan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan lain, pemantauan secara berkala serta pelaksanaan program promosi dan peningkatan kesedaran awam.*

### 4 KAWALAN PEMBANGUNAN DAN PENGUATKUASAAN


*Memperkuuh proses dan prosedur pembangunan dengan penglibatan taskforce CFS Negeri yang berkaitan bagi mengawal dan memantau pembangunan dalam kawasan CFS dan rangkaian ekologi. Penglibatan masyarakat awam serta pelaksanaan operasi bersepadu agensi penguatkuasaan juga perlu dipergiatkan.*

### 5 PERKONGSIAN MAKLUMAT DAN PENGETAHUAN

*Perkongsian maklumat dan pengetahuan antara agensi kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan lain.*



## Rajah 8.2 : Rangka Kerja CFS




## PELAKSANAAN PELAN INDUK BERDASARKAN PENILAIAN KEUTAMAAN CADANGAN STRATEGI DAN TINDAKAN

Keutamaan setiap cadangan strategi dan tindakan yang dirangka dalam pelan induk ini dinilai bagi mengenal pasti strategi dan tindakan yang perlu diutamakan dan dilaksanakan dengan segera terutamanya pemeliharaan Rangkaian Ekologi yang terancam. Keutamaan strategi dan langkah utama yang diperolehi akan diletakkan dalam kategori *Red Action*.

### 1 Langkah Penganalisisan

Teknik analisis yang digunakan adalah *Multiple-criteria Decision Analysis* (MCDA). Penilaian dilaksanakan setelah input strategi dan langkah telah digariskan oleh kumpulan pakar dan pemegang taruh. Sesi bersama agensi pemegang taruh dibuat bagi menilai kepentingan mengikut keutamaan secara atas talian. Borang *Google Form* disediakan bagi peserta memasukkan kategori tahap kepentingan mengikut strategi dan langkah. Nilai input diperolehi dari peserta ini akan diterjemah dan dinilai menggunakan perisian *Expert Choice* bagi mendapatkan pemberat (keutamaannya). Terdapat langkah-langkah yang perlu dilakukan semasa analisis ini dijalankan dan penerangan mengenai langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:



## 2 Sesi Penilaian Bersama Pihak Berkepentingan

Sesi ini bertujuan mendapat input dari kumpulan pakar dan pemegang taruh dari aspek penilaian kepentingan cadangan strategi dan tindakan yang telah dibentuk menerusi borang *Google Form*. Input maklum balas yang diterima disenaraikan mengikut bilangan peserta yang memilih berdasarkan tahap kepentingan. Contoh soalan kepada peserta ditunjukkan dalam rajah di sebelah.

## 3 Penilaian Pemberat MCDA

Senarai cadangan strategi dan langkah dimasukkan ke dalam perisian *Expert Choice* (EC) untuk dibuat penilaian keutamaan dan disusun mengikut hierarki iaitu senarai strategi dan kandungannya adalah langkah-langkah.


	Sangat Penting	Penting	Sederhana Penting	Perlu disenaraikan sebagai Red Action	Perlu disenaraikan sebagai Yellow Action
T1.1a: Memperincikan Cadangan Guna Tanah dan Pemeliharaan Kawasan CFS di Dalam RT	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
T1.1b: Menyediakan Rancangan Kawasan (RKK) Bagi Semua Rangkaian Ekologi CFS	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
T1.1c: Menyediakan Zon Penampang (Buffer Zone) di Semua Rangkaian Ekologi Bagi Tujuan Kawalan Aktiviti Guna Tanah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
T1.2a: Mewartakan Hutan Tanah Kerajaan di Dalam CFS dan Rangkaian Ekologi Sebagai Hutan Simpanan Kekal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
T1.2b: Mewarta Rangkaian Ekologi yang Mengalami HWC sebagai Rizab / Santuari Hidupan Liar	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

The screenshot shows the Expert Choice software interface with the following details:

- Title Bar:** Expert Choice J:\PROJ\_2020\GIS\_W\_2019\_CFS\MCDM\BACKUP2021\CFS KEUTAMAAN STRATEGI\_30072021.AHP
- Menu Bar:** File Edit Assessment Synthesize Sensitivity-Graphs View Go Tools Help
- Toolbar:** Includes icons for file operations, zoom, and various tools.
- Left Panel:** A tree view of the hierarchy:
  - 1.0 Goal
    - Goal: KEUTAMAAN CADANGAN STRATEGI DAN LANGKAH BAGI PEMELIHARAAN RANGKAIAN EKOLOGI CFS
      - S1.1 PENGINTEGRASIAN PELAN INDUK DALAM RANCANGAN PEMAJUAN (L: .090)
        - T1.1a Memperincikan Cadangan Guna Tanah dan Pemeliharaan Kawasan CFS di Dalam Rancangan Tempatan (L: .500)
        - T1.1b Menyediakan Rancangan Kawasan (RKK) Bagi Semua Rangkaian Ekologi CFS (L: .500)
      - S1.2 PEMERKASAAN KAWALAN PEMBANGUNAN DAN PENGUATKUASAAN (L: .090)
        - T1.2a: Mewartakan Hutan Tanah Kerajaan di Dalam CFS dan Rangkaian Ekologi Sebagai Hutan Simpanan Kekal
        - T1.2b: Mewarta Rangkaian Ekologi yang Mengalami HWC sebagai Rizab / Santuari Hidupan Liar (L: .222)
        - T1.2c: Mewartakan Rizab Sungai dan Menyediakan Zon Riparian (L: .222)
        - T1.2d: Membangunkan Projek Ladang Hutan Secara Lestari (L: .222)
        - T1.2e: Mengawal Pembangunan Empangan Baharu (L: .111)
      - S2.1 PEMELIHARAAN HABITAT DAN SUMBER BIODIVERSITI (L: .093)
        - T2.1a Menyediakan Sistem Pemantauan Kutipan Data Umum Stok Biodiversiti (L: .500)
        - T2.1b Mengenal Pasti Mana-mana Kawasan Yang Sesuai di Dalam Rangkaian Ekologi Untuk Dikelaskan Sebagai
      - S2.2 PEMULIHARAAN HABITAT DAN SUMBER BIODIVERSITI (L: .090)
        - T2.2a: Menggalakkan Aktiviti Penanaman Pokok Serta Pelepasan Benih Ikan dan Krustasia (L: .500)
        - T2.2b: Memulihara Spesis Endemik dan Terancam di Dalam Rangkaian Ekologi CFS (L: .250)
        - T2.2c: Menambah Bilangan Santuari Ikan bagi Memulihara Sumber Biodiversiti Akutatik di Dalam Rangkaian Ek
      - S2.3 PENGAWALAN RISIKO KONFLIK MANUSIA - HIDUPAN LIAR (HWC) (L: .090)
      - S2.4 PENGURANGAN ROADKILL (L: .090)
    - S3.1 PEMBANGUNAN PERTANIAN DAN INDUSTRI UTAMA YANG LESTARI SERTA MESRA BIODIVERSITI (L: .057)
    - S3.2 PEMBANGUNAN EKONOMI DAN BUDAYA KOMUNITI HUTAN (L: .039)
    - S3.3 PENGUKUHAN POTENSI EKOPELANCONGAN (L: .039)
- Right Panel:** Information Document pane.

Senarai strategi dan langkah yang dimasukkan ke dalam perisian EC.

**i. Hasil Penilaian Keutamaan Strategi (nilai pemberat mengikut strategi)**



Hasil perbandingan secara pasangan bagi setiap cadangan strategi

**ii. Hasil Penilaian Keutamaan Tindakan (nilai pemberat mengikut tindakan bagi setiap strategi yang dijalankan melalui perbandingan secara pasangan bagi setiap tindakan mengikut nilai terjemahan semasa sesi bersama agensi pemegang taruh)**

**S1.1 Pengintegrasian Pelan Induk dalam Rancangan Pemajuan**

	T1.1a Mem	T1.1b Mem
T1.1a Memperincikan Cadangan Guna Tanah dan Pemeliharaan Kawasan CFS di Dalam Rancangan Tempatan (RT)		1.0
T1.1b Menyediakan Rancangan Kawasan (RKK) Bagi Semua Rangkaian Ekologi CFS	Incon: 0.00	

**S1.2 Pemerksaan Kawalan Pembangunan dan Penguatkuasaan**

	T1.2a: Mem	T1.2b: Mem	T1.2c: Mem	T1.2d: Mem	T1.2e: Mem
T1.2a: Mewartakan Hutan Tanah Kerajaan di Dalam CFS dan Rangkaian Ekologi Sebagai Hutan Simpana		1.0	1.0	1.0	2.0
T1.2b: Mewarta Rangkaian Ekologi yang Mengalami HWC sebagai Rizab / Santuari Hidupan Liar			1.0	1.0	2.0
T1.2c: Mewartakan Rizab Sungai dan Menyediakan Zon Riparian				1.0	2.0
T1.2d: Membangunkan Projek Ladang Hutan Secara Lestari					2.0
T1.2e: Mengawal Pembangunan Empangan Baharu	Incon: 0.00				

**S2.1 Pemeliharaan Habitat dan Sumber Biodiversiti**

	T2.1a Mem	T2.1b Mem
T2.1a Menyediakan Sistem Pemantauan Kutipan Data Umum Stok Biobiodiversiti		1.0
T2.1b Mengenal Pasti Mana-mana Kawasan Yang Sesuai di Dalam Rangkaian Ekologi Untuk Dikelaskan Sebagai HCVF / HCVA	Incon: 0.00	

**S2.2 Pemuliharaan Habitat Dan Sumber Biodiversiti**

	T2.2a: Mem	T2.2b: Mem	T2.2c: Mem
T2.2a: Menggalakkan Aktiviti Penanaman Pokok Serta Pelepasan Benih Ikan dan Krustasia		2.0	2.0
T2.2b: Memulihara Spesis Endemik dan Terancam di Dalam Rangkaian Ekologi CFS			1.0
T2.2c: Menambah Bilangan Santuari Ikan bagi Memulihara Sumber Biodiversiti Akuarik di Dalam Rangkaian Ekologi CFS	Incon: 0.00		

**S2.3 Pengawalan Risiko Konflik Manusia - Hidupan Liar (HWC)**

	T2.3a: Mem	T2.3b: Mem
T2.3a: Mengekalkan Kesejahteraan Hidupan Liar dan Komuniti Tempatan (Co-existence) T2.3a		1.0
T2.3b: Menyelesaikan Isu Konflik Manusia-Hidupan Liar (HWC)	Incon: 0.00	

## S2.4 Pengurangan Roadkill

	T2.4a: Men	T2.4b: Men	T2.3c: Men
T2.4a: Menambah baik perlaksanaan RSA, EIA, Penarafan Hijau dan Sustainable InfraSTAR Bagi Projek Infrastruktur Jalan dan K		1.0	1.0
T2.4b: Mengukuhkan Ciri-ciri Kemudahan Lintasan Hidupan Liar dan Rawatan Traffic Calming			1.0
T2.3c: Meningkatkan Sistem Kawalan, Amaran dan Program Kesedaran Berkaitan Kepentingan Hidupan Liar Dalam Pengurusan Incon: 0.00			

## S3.1 Pembangunan Pertanian dan Industri Utama yang Lestari serta Mesra Biodiversiti

	T3.1a: Men	T3.1b: Men	T3.1c: Men	T3.1d: Men	T3.1e: Men
T3.1a: Membangunkan Kawasan Pertanian Berkonsepkan Zon Pertanian Pemuliharaan [Conservation Agriculture]		2.0	2.0	2.0	2.0
T3.1b: Meningkatkan Perolehan Sijil Pertanian Mampan Sektor Agrikomoditi dan Agromakanan			2.0	2.0	1.0
T3.1c: Meningkatkan Penggunaan Logo Produk Pertanian Mampan				1.0	2.0
T3.1d: Meningkatkan Kesedaran Institusi Perbankan dan Pelaburan Terhadap Pembiayaan Aktiviti Pertanian					2.0
T3.1e: Memastikan Aktiviti Perlombongan dan Kuari di Dalam Kawasan CFS Dijalankan Secara Terkawal					
Incon: 0.02					

## S3.2 Pembangunan Ekonomi dan Budaya Komuniti Hutan

	T3.2a: Men	T3.2b: Men
T3.2a: Memperkasa Komuniti Hutan Dalam Membangunkan Ekonomi Tempatan		1.0
T3.2b: Memelihara Nilai Intrinsik Tempatan.		Incon: 0.00

## S3.3 Pengukuhan Potensi Ekopelancongan

	T3.3a: Men	T3.3b: Men
T3.3a: Mengukuhkan dan Mempelbagaikan Aktiviti Ekopelancongan CFS Sebagai Alternatif dalam Menyumbang Ekonomi Negeri		2.0
T3.3b: Meningkatkan Tahap Kemudahan Fasiliti dan Program di Kawasan Tarikan Pelancong		Incon: 0.00

## S3.4 Pembangunan Ekonomi Hijau daripada Kepelbagaian Biodiversiti Hutan

	T3.4a: Men	T3.4b: Men
T3.4a: Mengenal Pasti Potensi Perkhidmatan Ekosistem Sedia Ada		1.0
T3.4b: Meneroka Pembiayaan Biodiversiti (Biodiversity Financing) Sebagai Sumber Kewangan Alternatif		Incon: 0.00

## S4.1 Pengukuhan Struktur Pentadbiran dan Pengurusan Rangkaian Ekologi CFS

	T4.1a: Men	T4.1b: Men
T4.1a: Mengukuhkan Struktur Organisasi dan Peranan Jabatan Perhutanan Negeri Sebagai Penyelaras di Peringkat Negeri		1.0
T4.1b: Meningkatkan Koordinasi dan Keterangkuman Semua Pihak Berkepentingan dalam Pengurusan CFS		Incon: 0.00

## S4.2 Penyediaan Peruntukan Kewangan yang Mencukupi dan Berterusan (tiada hierarki untuk strategi ini kerana hanya ada 1 tindakan)

## S4.3 Peningkatan Tahap Kesedaran Agensi Dan Masyarakat Awam Mengenai CFS

	T4.3a: Men	T4.3b: Men
T4.3a: Menyediakan Pelan Promosi Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS.		1.0
T4.3b: Meningkatkan Kesedaran serta Penglibatan Awam Dalam Usaha Memelihara, Memulihara dan Melindungi Hutan		Incon: 0.00

## S5.1 Pengukuhan Peruntukan Undang-undang Sedia Ada Berkaitan CFS Dan Rangkaian Ekologi

	T5.1a: Men	T5.1b: Men	T5.1c: Men	T5.1d: Men	T5.1e: Men
T5.1a: Mengukuhkan Peruntukan Undang-undang KTN 1965		2.0	1.0	2.0	4.0
T5.1b: Mengukuhkan Peruntukan Undang-undang Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)			2.0	2.0	3.0
T5.1c: Mengukuhkan Peruntukan Undang-undang Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)				2.0	4.0
T5.1d: Mengukuhkan Pemakaian Peruntukan Undang-undang Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 132)					2.0
T5.1e: Mengukuhkan Pemakaian Peruntukan Undang-undang Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)					
Incon: 0.01					

## 4 Pengelasan Keutamaan / Red Action

Hasil yang diperolehi dari janaan sintesis (keseluruhan) ini adalah senarai urutan keutamaan strategi / tindakan bagi pemeliharaan Rangkaian Ekologi CFS mengikut nilai pemberat yang diperolehi. Hasil ini merupakan input pandangan peserta dari agensi pemegang taruh terhadap strategi dan tindakan yang telah dirangka dalam pelan induk ini. Pengelasan *Red* dan *Yellow Action* pula adalah dibuat berdasarkan pembahagian bilangan tindakan kepada 2 kelas tersebut. Masing-masing 19 tindakan telah dikelaskan sebagai *Red Action* dan *Yellow Action* seperti dalam perincian di bawah:

**Rajah 8.3 : Hasil Analisis Penilaian Cadangan Strategi / Tindakan Mengikut Keutamaan**



# PENILAIAN KESAN PELAKSANAAN STRATEGI DAN TINDAKAN TERHADAP RANGKAIAN EKOLOGI CFS


## 1 Pengenalan

Objektif pelaksanaan analisis ini ialah bagi menilai serta menguji keberkesanan tindakan yang dicadangkan terhadap Rangkaian Ekologi yang telah dikenal pasti sebagai terancam atau berisiko terancam. Pengujian dibuat berasaskan pembentukan senario ***what-if*** ke atas cadangan strategi/tindakan yang berbentuk spatial (kuantitatif). Sekiranya ianya dilaksanakan, maka Rangkaian Ekologi CFS mana yang akan memberi kesan pembaikan yang amat ketara. Ini dapat membantu pelaksana/agensi pemegang taruh mengenal pasti secara lebih tepat kesesuaian cadangan strategi / tindakan tersebut kepada Rangkaian Ekologi bermasalah.

Pengujian ini akan dapat memberi gambaran sama ada cadangan strategi yang bakal dilaksanakan benar-benar akan memberi impak kepada pemulihan tahap ancaman Rangkaian Ekologi tersebut atau tidak. Jika ianya memberi impak, persoalan di mana Rangkaian Ekologi tersebut, bilangan serta keutamaan yang perlu diberi perhatian dahulu turut dapat dijawab dan dirancang. Ianya turut akan menjadi input yang memberi sokongan kepada perincian langkah-langkah yang digariskan dalam strategi. Hasil analisis ini adalah berbentuk jadual setiap strategi/tindakan bersama dengan senarai Rangkaian Ekologi CFS yang dikenal pasti.

## 2 Langkah Penganalisaan

Terdapat langkah-langkah yang perlu dilakukan semasa analisis ini dijalankan. Penerangan mengenai langkah adalah seperti berikut:




### 3 Proses Penganalisisan

Sebagai contoh, cadangan tindakan mewartakan Hutan Tanah Kerajaan di dalam CFS dan Rangkaian Ekologi sebagai Hutan Simpanan Kekal. Hasil analisis pengujian ini boleh menunjukkan Rangkaian Ekologi CFS mana dan jumlah yang akan memperolehi kesan pembaikan yang sangat ketara dengan pelaksanaan ini.

Proses ini dilaksanakan menggunakan perisian ***Expert Choice***. Fail yang sama digunakan bagi menganalisis tahap keterancaman dan pengelasan bagi setiap Rangkaian Ekologi sebelum ini. Pengujian dilaksanakan dengan membentuk senario ***what-if*** di mana sekiranya terdapat tindakan dilaksanakan dengan menaikkan kriteria Hutan Tanah Kerajaan kepada 100% di dalam sistem ini, maka perubahan pemberaan dapat dilihat pada Rangkaian Ekologi mana dari jumlah terancam dan risiko terancam ini yang akan berkurang tahap anciamannya. Perubahan yang dibuat akan dibandingkan antara hasil sebelum dan selepas peningkatan dilakukan. Perbandingan dilaksanakan bagi menilai Rangkaian Ekologi mana yang berubah dan berapa nilai skor ancaman yang dapat dikurangkan. Nilai pengurangan yang berlaku menunjukkan cadangan strategi tersebut memberi signifikasi pengurangan ancaman Rangkaian Ekologi tersebut. Ini akan dapat mengubah kedudukan susunan Rangkaian Ekologi keseluruhannya mengikut tahap anciamannya. Berikut adalah hasil perubahan yang dibuat dengan senario setelah Hutan Tanah Kerajaan diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal. Peningkatan ini juga akan memberikan impak kepada nilai-nilai kriteria yang lain dalam kumpulan yang sama kerana nilai yang digunakan dalam perisian ini telah dinormalisasikan kepada 100%.


**Rajah 8.4 : Senario *What-if* dengan Strategi Peningkatan Peratusan Kesinambungan Hutan Kepada 30%**



## 4 Contoh Hasil Ujian

Scenario ***what-if*** dengan peningkatan kesinambungan hutan kepada kadar 30% telah menghasilkan kesan pengurangan kepada kriteria risiko ancaman Rangkaian Ekologi sebanyak 12 dari 31 rangkaian ekologi. Peningkatan bermaksud pengurangan pada kadar keterancaman pada Rangkaian Ekologi. Jadi, hanya Rangkaian Ekologi yang nilai % berkurangan menunjukkan kesan kepada strategi ini. Nilai pengurangan pula menunjukkan berapa signifikasinya kepada Rangkaian Ekologi tersebut. Satu kedudukan susunan baru tahap ancaman Rangkaian Ekologi dapat dibentuk dengan ujian senario ini. Berikut adalah contoh hasil yang dibandingkan sebelum dan selepas ujian berdasarkan senario ***what-if*** dilaksanakan.

**Rajah 8.5 : Senario *What-if* Dengan Tindakan Mewartakan Hutan Tanah Kerajaan dalam RE Sebagai Hutan Simpan Kekal Kepada 50%**



## 5 Rumusan

Dengan pengujian ini, dapat dirumuskan menerusi **Jadual 8.5** yang menunjukkan bilangan dan senarai rangkaian ekologi yang mendapat kesan dari cadangan mewartakan Hutan Tanah Kerajaan (HTK) kepada Hutan Simpan Kekal (HSK) dalam RE bagi tujuan pemeliharaan hidupan liar.

**Jadual 8.5 : Ringkasan Hasil yang Diperolehi Mengikut Tahap Signifikasinya**

Bil. Rangkaian Ekologi	Rangkaian Ekologi Dalam Kategori Terancam dan Berisiko Terancam <i>(Red Zone)</i>	Nilai Perubahan (%)	Tahap Signifikasi
2	C-PL2, D-PL2	-0.5%	Sangat Signifikasi
10	K-SL3, C-PL4, J-SL2, C-SL2, D-SL4, B-SL1, D-SL2, D-SL1, T-SL4, N-SL1	-0.4%	Sederhana Signifikasi
19	A-SL3, K-SL2, A-PL2, D-SL3, C-PL3, C-PL6, K-SL1, A-SL2, J-SL1, A-PL5, T-SL1, C-SL3, T-PL2, A-SL1, K-PL1, A-PL4, C-PL2, C-PL5 & J-PL5	-0.1%	Tidak Signifikasi

Pengenalpastian Rangkaian Ekologi ini akan dapat membantu memudahkan usaha perancangan pemuliharaan Rangkaian Ekologi dalam kategori terancam dengan lebih spesifik menerusi langkah-langkah yang digariskan. Hasil dari nilai tahap signifikasi pengujian juga akan dapat menyediakan keutamaan Rangkaian Ekologi yang patut diberi perhatian terlebih dulu jika pelaksanaan strategi dibuat. Ini kerana kesan peningkatan akan dapat memberikan impak ketara kepada rangkaian ekologi tersebut dari keterancaman.

Perincian analisis dan hasil penilaian bagi strategi terpilih (yang berbentuk spatial) telah disediakan dan dibincangkan di dalam FGD Siri 4 (Jun 2021). Semua input semasa FGD digunakan dan dimuktamadkan di dalam Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2022.



## RUMUSAN AGENSI PELAKSANA TERLIBAT MENGIKUT STRATEGI DAN TINDAKAN BESERTA GARIS PANDUAN BERKAITAN

Jadual 8.6 : Rumusan Agenzi Pelaksana Mengikut Strategi Dan Tindakan Berserta Garis Panduan Berkaitan

Tindakan	Agenzi Pelaksana Utama	Agenzi Pelaksana Sokongan	Panduan Pemeliharaan CFS Berkaitan										
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
<b>Strategi 1.1 : Pengintegrasian Pelan Induk dalam Rancangan Pemajuan</b>													
Tindakan 1.1a - Memperincikan Cadangan Guna Tanah dan Pemeliharaan Kawasan CFS di dalam Rancangan Tempatan (RT)	PLANMalaysia, PLANMalaysia@ Negeri	PBN, PBPT, PDT/PTD/PTJ, JPN, JAS, JMG, JPS, Jabatan Pertanian, Jabatan PERHILITAN, JWN, Agensi Pembangunan Pertanian Negeri	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Tindakan 1.1b - Menyediakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi Rangkaian Ekologi (CFS)	PLANMalaysia@ Negeri, PTG	PBN, PTG, PBPT, PDT/PTD/PTJ, JPN, JAS, JPS, JKR, JMG, JWN, Jabatan PERHILITAN, Perbadanan Taman Negeri	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Strategi 1.2 : Pemeriksaan Kawalan Pembangunan dan Pengukuasaan</b>													
Tindakan 1.2a - Mewartakan Hutan Tanah Kerajaan di dalam Kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi Sebagai Hutan Simpanan Kekal	JPN, PBN, PTG	PBN, JPN, Jabatan PERHILITAN, PTG, PDT/PTD/PTJ	✓										
Tindakan 1.2b - Mewartakan Kawasan Dalam Rangkaian Ekologi yang Mengalami HWC Sebagai Rizab / Santuari Hidupan Liar	KetSA	Jabatan PERHILITAN PTG, PDT / PTD / PTJ, JAKOA	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
1 - Penyediaan Lintasan Hidupan Liar 2 - Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar 3 - Pencegahan Aktiviti Pemburuan 4 - Penghutanan Semula	5 - Pengurusan Biodiversiti Akutik 6 - Penyediaan Zon Riparian 7 - Penyediaan Talian Rentis 8 - Penyediaan Zon Pertanian Pemuliharaan (CAZ)	90 - Pemuliharaan Tapak Perlombongan 10 - Pemeliharaan Tanah Gambut 11 - Pembangunan Pelancongan 12 - Pembangunan Petempatan Manusia dan Perkampungan											

## Jadual 8.6 : Rumusan Agensi Pelaksana Mengikut Strategi dan Tindakan Berserta Panduan Berkaitan

Tindakan	Agensi Pelaksana Utama	Agensi Pelaksana Sokongan	Panduan Pemeliharaan CFS Berkaitan									
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Tindakan 1.2c - Mewartakan Rizab Sungai dan Menyediakan Zon Riparian	PTG, JPS, pengusaha ladang / pemilik tanah	PBN, PDT / PTD / PTJ, MPOB, Lembaga Getah Malaysia, JPN, Jabatan PERHILITAN Negeri, FRIM, Pihak Berkuaasa Air Negeri JPSM, FRIM, MTIB, MTCC, PBN, JAS, Jabatan PERHILITAN, PBT, PDT / PTD / PTJ										
Tindakan 1.2d - Membangunkan Projek Ladang Hutan Secara Mampan	JPN, MTIB, PTG, PBN											
Tindakan 1.2e - Mengawal Pembangunan Empangan Baharu	TNB, JPS, Syarikat Bekalan Air Negeri	PBN, JPSM, JPN, Jabatan PERHILITAN, JAKOA.										
<b>Strategi 2.1 : Pemeliharaan Habitat dan Sumber Biodiversiti</b>												
Tindakan 2.1a - Menjalankan Pemantauan Sumber Biodiversiti Secara Komprehensif	KetSA	Jabatan PERHILITAN, JPSM, JPS, JPN, FRIM, Fisheries Research Institute (FRI), Jabatan Perikanan Negeri, JPS, PLANMalaysia, Universiti										
Tindakan 2.1b - Mengenal Pasti Mana-mana Kawasan yang Sesuai di dalam Rangkaian Ekologi untuk Dikelaskan Sebagai HCVF / HCVA.	JPSM, Jabatan PERHILITAN, MTCC, MPOB	JPSM, JPN, FRIM, MSPO										

- 1 - Penyediaan Lintasan Hidupan Liar
- 2 - Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar
- 3 - Pencegahan Aktiviti Pemburuan
- 4 - Penghutanan Semula
- 5 - Pengurusan Biodiversiti Akutik
- 6 - Penyediaan Zon Riparian
- 7 - Penyediaan Talian Rentis
- 8 - Penyediaan Zon Pertanian Pemuliharaan (CAZ)

- 9) - Penulihan Tapak Perlombongan
- 10 - Pemeliharaan Tanah Gambut
- 11 - Pembangunan Pelancongan
- 12 - Pembangunan Petempatan Manusia dan Perkampungan

## Jadual 8.6 : Rumusan Agensi Pelaksana Mengikut Strategi dan Tindakan Berserta Panduan Berkaitan

Tindakan	Agensi Pelaksana Utama	Agensi Pelaksana Sokongan	Panduan Pemeliharaan CFS Berkaitan								
			1	2	3	4	5	6	7	8	9
<b>Strategi 2.2 : Pemeliharaan Habitat dan Sumber Biodiversiti</b>											
Tindakan 2.2a - Mempergiatkan Inisiatif Pemuliharaan Habitat	KeTSA, JPSM, JPN, JAS, Jabatan Perikanan Negeri, FRIM, NGO / CSO	PBN, PlanMalaysia, FRI, FRIM, JPN, JPS, PTG, PDT / PTJ, NGO / CSO, komuniti tempatan / Orang Asli	✓	✓	✓						
Tindakan 2.2b - Memulihara Spesies Endemik dan Terancam di Dalam Rangkaian Ekologi CFS.	JPSM, Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perikanan Malaysia	JPN, Jabatan PERHILITAN Negeri, Jabatan Perikanan Negeri, JPS Negeri, FRI, FRIM	✓	✓	✓						
Tindakan 2.2c - Memulihara Sumber Biodiversiti Akutatif di dalam Rangkaian Ekologi CFS	PBN, Jabatan Perikanan Negeri, PTG, JUPEM	JPN, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Perikanan Negeri, Jabatan PERHILITAN, PTG, PDT / PTJ, PBT, IPT, FRI, NGO, komuniti tempatan.	✓	✓	✓						
<b>Strategi 2.3 : Pengawalan Risiko Konflik Manusia – Hidupan Liar (HWL)</b>											
Tindakan 2.3a - Mengelakkan Kesejahteraan Hidupan Liar dan Komuniti Tempatan (Co-existence)	PLANMalaysia@ Negeri, JPN, Jabatan PERHILITAN, NGO	KPLB, PBN, JAKOA, PBT, PDT / PTD / PTJ	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

- 1 - Penyediaan Lintasan Hidupan Liar  
 2 - Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar  
 3 - Pencegahan Aktiviti Pemburuan  
 4 - Penghutaman Semula
- 90 - Pemuliharan Tapak Perlombongan  
 10 - Pemeliharaan Tanah Gambut  
 11 - Pembangunan Pelancongan  
 12 - Pembangunan Petempatan Manusia dan Perkampungan

- 5 - Pengurusan Biodiversiti Akutik  
 6 - Penyediaan Zon Riparian  
 7 - Penyediaan Talian Rentis  
 8 - Penyediaan Zon Pertanian Pemuliharaan (CAZ)



## Jadual 8.6 : Rumusan Agensi Pelaksana Mengikut Strategi dan Tindakan Berserta Panduan Berkaitan

Tindakan	Agensi Pelaksana Utama	Agensi Pelaksana Sokongan	Panduan Pemelibharan CFS Berkaitan									
			1	2	3	4	5	6	7	B	9	10
<b>Tindakan 2.3b - Menyelesaikan Isu Konflik Manusia-Hidupan Liar (HWC)</b>	KKR, MOT, Jabatan PERHILITAN, JPSM, PTG, JPS, PDRM, ATM, APMM, pengusaha ladang / pemilik tanah	KeTSA, PBN, Jabatan PERHILITAN Negeri, JPN, PDRM, PLANMalaysia, PDT/PTD/PTJ, FRIM, MPOB, Lembaga Getah Malaysia, NGO/CSO	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Strategi 2.4 : Pengurangan Roadkill</b>												
<b>Tindakan 2.4a - Menambah Baik Pelaksanaan RSA, EIA, Penarafan Hijau, dan Sustainable InfraSTAR bagi Projek Infrastruktur Jalan dan Kereta Api</b>	KKR (Projek jalan raya), MOT (Projek kereta api)	JKR, LLM, JAS, APAD, JPSM, Jabatan PERHILITAN, JPN, FRIM, PLANMalaysia	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Tindakan 2.4b - Mengukuhkan Ciri-ciri Kemudahan Lintasan Hidupan Liar dan Rawatan Traffic Calming.</b>	KKR, Jabatan PERHILITAN	JKR, LLM, JPJ, Jabatan PERHILITAN, JPS, JPSM, JPN	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
<b>Tindakan 2.4c - Meningkatkan Sistem Kawalan, Amaran dan Program Kesedaran Berkaitan Kepentingan Hidupan Liar Dalam Pengurusan Lalu Lintas.</b>	KKR, Jabatan PERHILITAN	JKR, LLM, Jabatan PERHILITAN, JPSM, JPN, JPJ, PDRM	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

- 1 - Penyediaan Lintasan Hidupan Liar  
 2 - Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar  
 3 - Pencegahan Aktiviti Pemburuan  
 4 - Pengurusan Semula  
 5 - Pengurusan Biodiversiti Akuatik  
 6 - Penyediaan Zon Riparian  
 7 - Penyediaan Talian Rentis  
 8 - Penyediaan Zon Pertanian Pemelibharan (CAZ)  
 9) - Pemelibharan Tapak Perlombongan  
 10 - Pemelibharan Tanah Gambut  
 11 - Pembangunan Pelancongan  
 12 - Pembangunan Petempatan Manusia dan Perkampungan



sambungan  
**Jadual 8.6 : Rumusan Agensi Pelaksana Mengikut Strategi dan Tindakan Berserta Panduan Berkaitan**

Tindakan	Agensi Pelaksana Utama	Agensi Pelaksana Sokongan	Panduan Pemeliharaan CFS Berkaitan									
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
<b>Strategi 3.1 : Pembangunan Pertanian dan Industri Utama yang Mampan serta Mesra Biodiversiti</b>												
<b>Tindakan 3.1a -</b> Membangunkan Kawasan Pertanian BerkONSEPkan Zon Pertanian Pemuliharaan (Conservation Agriculture Zone - CAZ).	MAFI, KPPK, Jabatan Pertanian Malaysia, JPSM, Jabatan PERHILITAN Malaysia, PLANMalaysia, JPN, MPIC, MPOB Lembaga Getah Malaysia, Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam	Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan, JPS, JAKOA, MPIC, MTIB, MPOB, MPOCC, Lembaga Getah Malaysia, FELDA, FELCRA, RISDA, Pertubuhan Peladang, Universiti, MARDI, Agensi Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Negeri, pemilik ladang / kebun, / syarikat perlادangan, NGO.										
<b>Tindakan 3.1b -</b> Meningkatkan Perolehan Sijil Pertanian Mampan Sektor Agrikomoditi dan Agromakanan.	MAFI, MPOCC, MTCC	MPOB, RISDA, Jabatan Pertanian Malaysia										

- 1 - Penyediaan Lintasan Hidupan Liar
- 2 - Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar
- 3 - Pencegahan Aktiviti Pemburuan
- 4 - Penghutaman Semula
- 5 - Pengurusan Biodiversiti Akutik
